

22/10/2001

Usah biar harga petrol pengaruhi barang lain

KENAIKAN harga runcit petrol dan diesel sebanyak 10 sen seliter berkuat kuasa kelmarin, mencetuskan ura-ura kenaikan harga bagi pelbagai barang dan perkhidmatan bagi menampung peningkatan kos. Tidak hanya terbatas kepada sektor pengangkutan, sudah ada desas-desus industri atau perniagaan lain yang mempunyai pergantungan kepada petrol dan diesel bakal turut merombak senarai harga. Pemberian bonus dan kenaikan gaji kakitangan awam juga memungkinkan peniaga mengambil kesempatan menaikkan harga barang keperluan. Jika itu dibenarkan berlaku, kesannya terpaksa ditanggung pengguna sedangkan Belanjawan 2002 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, turut menawarkan pelbagai manfaat buat mereka dan tidak hanya menguntungkan peniaga.

Dalam pada kerajaan menggalakkan orang ramai meningkatkan perbelanjaan supaya dapat merangsang kegiatan ekonomi negara, ia tidak harus bermakna pengguna perlu membayar harga lebih mahal bagi barang atau perkhidmatan berbanding sebelumnya. Paling penting, kadar inflasi hendaklah kekal terkawal. Kenaikan harga petrol dan diesel tidak harus begitu mendadak kepada industri atau perniagaan sehingga mereka saja yang mengaut keuntungan daripadanya. Peniaga juga tidak harus hanya memanfaatkan kenaikan sedangkan Belanjawan 2002 turut membabitkan penurunan duti import 55 jenis barangan. Pemantauan rapi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tentunya akan dapat mengelakkan pengguna daripada dieksploitasikan.

(END)